

Barisan Kelantan bersiap hadapi p-raya

KOTA BHARU, Jumaat — Barisan Nasional Kelantan kini bersiap sedia menghadapi pilihanraya berikutan khabar-khabar angin bahawa pilihanraya umum akan diadakan bulan April tahun depan.

Barisan Nasional mengaturkan semua jenteranya di semua peringkat bagi memastikan sentiasa bersiap sedia menghadapi pilihanraya jika diumumkan secara mengejut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

PAS Kelantan juga telah

mengadakan persediaan bagi menghadapi pilihanraya itu.

Kalangan politik di sini berkata demam pilihanraya mula terasa yang dijangka akan diadakan tidak lama lagi.

Mereka berkata, kedudukan PAS dan Barisan Nasional boleh dikatakan 40 dan 60 dan mungkin persaingan hebat akan berlaku dalam pilihanraya umum kali ini.

Barisan Nasional mempunyai tenaga kuat yang berpadu manakala PAS tidak ramai mempunyai tenaga yang berkecayaan untuk berdepan dengan calon Barisan

Nasional.

Sumber-sumber politik di sini juga menyatakan PAS sekarang tidak mempunyai kewangan yang cukup dan parti itu dijangka menghadapi kesulitan besar dalam pilihanraya umum akan datang.

Ibu pejabat PAS ketika dihubungi hari ini enggan menerangkan secara terus terang tentang persiapan parti itu tetapi setengah-setengah pegawai perhubungan PAS berkata: "Segalagalanya telah siap sedia."

Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan, Datuk Mohamad Haji Ali pula menyatakan semua jentera Barisan Nasional (BN) telah diarah bergerak bagi menjayakan kempen 'Mari Mengundi' untuk mendaftarkan pemilih baru.

Bellau juga menyatakan sebuah jawatankuasa peringkat negeri telah dibentuk dan Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan Awam, Datuk Dr. Nik Hussin Abdul Rahman dilantik menjadi pengerusinya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia